



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL 8/98**

**RAYUAN KE ATAS AMAUN BANTUAN KEWANGAN YANG DILULUSKAN**

**1. Tujuan**

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua majikan berdaftar supaya jika terdapat sebarang rayuan ke atas amaun bantuan kewangan yang diluluskan bagi semua Skim Latihan khususnya di bawah Skim Bantuan Latihan, Skim Pelan Latihan Tahunan, Skim Latihan Bersama dan Skim SBL LULUS hendaklah dikemukakan sebelum borang tuntutan pembayaran balik geran latihan dikemukakan kepada Majlis.

**2. RAYUAN KE ATAS AMAUN BANTUAN KEWANGAN YANG DILULUSKAN**

- 2.1 Amaun bantuan kewangan yang diluluskan adalah berasaskan kepada garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Sungguhpun demikian terdapat majikan-majikan yang tidak berpuashati dengan amaun yang diluluskan dan mengemukakan rayuan untuk menyemak semula kelulusan yang diberikan. Dalam hubungan ini, terdapat majikan yang mengemukakan rayuan setelah borang tuntutan dikemukakan atau geran latihan telah dibayar kepada mereka. Keadaan ini mewujudkan berbagai masalah penyelarasan terutamanya setelah pembayaran dibuat sekiranya rayuan mereka diluluskan.
- 2.2 Kerjasama majikan adalah dipohon sekiranya terdapat ketidakpuasan hati mengenai amaun bantuan kewangan yang diluluskan, rayuan hendaklah dikemukakan terlebih dahulu supaya masalah yang wujud akan diselesaikan terlebih dahulu sebelum borang tuntutan pembayaran bantuan kewangan dikemukakan kepada Majlis bagi mengelakkan wujudnya masalah penyelarasan pembayaran.
- 2.3 Adalah dimaklumkan mulai 1hb. Disember 1998, rayuan yang diterima oleh Majlis selepas tuntutan geran latihan dibayar atau surat rayuan dikemukakan selepas borang tuntutan dihantar ke Urusetia Majlis atau surat rayuan dikemukakan serentak dengan borang tuntutan, rayuan berkenaan tidak akan dilayan dan pertimbangan.

**3. TARIKH KUATKUASA**

- 3.1 Pekeliling Majikan Bil 8/98 ini berkuatkuasa mulai dari 1hb. Disember 1998.

Kerjasama tuan/puan adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(RUSNAN BIN SAMAT)**

b.p. Ketua Pengarah,  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia